



MODUL ASAS CANVA

Volume 1

**Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Universiti Malaysia Terengganu**



1. Pengenalan kepada Canva

Canva ialah satu platform reka bentuk grafik berdasarkan web yang membolehkan pengguna menghasilkan pelbagai bahan visual dengan mudah dan menarik. Melalui Canva, pengguna boleh mencipta poster, slaid pembentangan, kad ucapan, infografik, komik, video pendek, dan banyak lagi tanpa memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Platform ini sangat sesuai digunakan oleh pelajar sekolah, guru, serta golongan profesional kerana antara mukanya yang mesra pengguna dan dipenuhi dengan pelbagai templat serta elemen reka bentuk yang menarik.

Canva boleh diakses melalui laman web rasmi di www.canva.com atau melalui aplikasi mudah alih yang tersedia di Google Play Store dan Apple App Store. Bagi murid sekolah, Canva memberi peluang untuk meneroka kreativiti dalam penyampaian tugas dan pembentangan dengan cara yang lebih interaktif dan menyeronokkan. Selain itu, penggunaan Canva juga dapat meningkatkan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kreatif, literasi digital, dan komunikasi visual.


Dengan itu, pengenalan kepada Canva dalam kalangan murid adalah langkah yang wajar bagi menyokong proses pembelajaran secara digital dan inovatif. Murid dapat menggunakan Canva untuk menyampaikan idea dengan lebih berkesan serta menghasilkan bahan pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna.

2. Cara Login ke Canva

Guru boleh membantu murid mendaftar atau log masuk ke akaun Canva for Education secara percuma.

Langkah-langkah Log Masuk:


1. Buka pelayar internet seperti Google Chrome atau Microsoft Edge.
2. Di ruang carian, taip: www.canva.com dan tekan Enter.
3. Klik butang "Log In" di bahagian atas kanan laman.
4. Pilih pilihan "Log in with Google".
5. Masukkan akaun Google murid, contohnya: murid@moe-dl.edu.my
6. Setelah berjaya log masuk, anda akan dibawa ke Menu Utama/ Dashboard



3. Menu utama (selepas log masuk)

Selepas log masuk, berikut adalah komponen utama pada antaramuka Canva:


1. **Bar Carian (Search Bar)**- Terletak di bahagian atas.



2. Bar carian dalam Canva adalah **alat carian** yang membolehkan pengguna **mencari apa sahaja** dalam platform Canva, termasuk:

i. Mencari Template

- Taip jenis reka bentuk yang anda mahu:
 - "Poster Pendidikan"
 - "Kad Jemputan Hari Jadi"
 - "Resume Profesional"
 - "Infografik Kesihatan"
- Canva akan paparkan pelbagai template sedia ada yang boleh digunakan terus.
- Contoh:
Taip "Poster Anti Dadah" → Canva akan tunjuk template berkaitan kempen atau pendidikan.



ii. Mencari Elemen Reka Bentuk

- Taip kata kunci grafik atau ikon yang anda perlukan:
 - "Books" – untuk ikon buku
 - "Flower" – untuk bunga
 - "Arrow" – anak panah
 - "Frame" – bingkai gambar

iii. Mencari Gambar (Photos)

- Taip sebarang tema atau subjek,
- Contohnya: "Sekolah", "Pelajar", "Makanan", "Laut", "Hospital"

iv. Mencari Video


- Anda juga boleh taip topik dan Canva akan paparkan video pendek
- Contoh: "Running", "Nature", "Office work"

Tips Carian Berkesan:

1. **Gunakan Bahasa Inggeris** untuk hasil lebih banyak (contoh: "education poster")
2. Tambah jenis elemen dalam carian:
Contoh: "leaf icon", "blue background", "children photo"


2. Butang "Create a Design" / "Cipta Reka Bentuk"

1. Butang "**Cipta reka bentuk**" (*Create a design*) terletak di bahagian atas sebelah kanan skrin.



2. Anda boleh klik pada butang tersebut untuk memaparkan **senarai pilihan jenis reka bentuk** yang tersedia, seperti poster, slaid, grafik media sosial dan banyak lagi.

- Pilihan saiz tersedia: Custom size, Poster, Presentation, Instagram Post, dan banyak lagi.



3. Di sini, anda boleh memilih reka bentuk sedia ada untuk memulakan projek anda. Gunakan bar carian untuk mencari templat mengikut kategori seperti poster, video, Facebook post, banner, e-buku dan sebagainya.
4. Sekiranya anda ingin memulakan reka bentuk dari awal, klik butang "Custom Size" untuk menetapkan saiz reka bentuk mengikut keperluan anda.


4. Cipta satu design baharu

Setelah mengenali antara muka utama Canva dan memahami fungsi-fungsi asas yang disediakan, tumpuan kini beralih kepada paparan seterusnya yang dikenali sebagai **paparan reka bentuk**. Paparan ini merujuk kepada ruang kerja digital yang menjadi tempat utama pengguna membina, menyusun dan menyunting elemen-elemen visual mengikut kreativiti dan keperluan masing-masing.


1. Sekarang Klik pada butang "Create" untuk memaparkan senarai pilihan jenis reka bentuk yang tersedia.



2. Pilih format reka bentuk yang diingini, seperti *Poster*, *Pembentangan*, *Dokumen A4*, *Kad*, atau mana-mana format lain yang bersesuaian dengan keperluan anda.



3. Paparan reka bentuk akan dimuatkan secara automatik, menandakan anda telah memauki ruang kerja utama untuk memulakan proses reka bentuk.



4. Pada paparan ini, terdapat pelbagai elemen dan alat yang boleh digunakan untuk membina reka bentuk secara tersusun dan kreatif. Susun atur bagi paparan ini adalah seperti jadual berikut:

Kedudukan	Elemen/Alat	Fungsi
Tengah	Kanvas (Ruang kerja)	Tempat utama untuk menyusun elemen reka bentuk.
Sebelah kiri	Panel menu	Akses kepada templat, elemen grafik, teks, gambar, latar belakang, dll.
Atas	Bar alat (Toolbar)	Menyunting elemen terpilih seperti warna, saiz, fon, kedudukan, lapisan.
Sebelah kanan (jika ada)	Pilihan tambahan	Untuk tetapan lanjutan seperti animasi, masa slaid, atau info elemen.
Atas kanan	Butang Share & Download	Kongsi reka bentuk atau muat turun dalam pelbagai format.

5. Senarai Elemen dalam Canva

- Canva menyediakan pelbagai elemen reka bentuk seperti teks, gambar, ikon dan bentuk yang membantu menjadikan hasil kerja lebih menarik dan berkesan. Pemahaman terhadap fungsi setiap elemen amat penting. Berikut adalah penerangan lengkap tentang elemen dan fungsi-fungsinya.


Elemen	Fungsi
Shape (Bentuk)	Digunakan untuk membina susun atur seperti kotak, bulatan, garisan dan sebagainya.
Graphic	Ilustrasi dan ikon pelbagai tema untuk memperindah reka bentuk.

Polls and Quiz	Menyediakan soalan interaktif untuk tinjauan atau kuiz dalam persembahan.
AI Image Generator	Menjana imej secara automatik berdasarkan arahan teks pengguna.
Sheets	Membina lembaran data seperti hamparan elektronik (spreadsheet) dalam reka bentuk.
Tables	Menyusun maklumat dalam bentuk jadual yang teratur dan mudah dibaca.
Photos	Menambah gambar berkualiti tinggi daripada pustaka Canva.
Video	Menyisipkan video untuk slide atau kandungan multimedia.
Audio	Menambah bunyi latar atau muzik dalam reka bentuk interaktif.
Charts	Menyampaikan data dalam bentuk visual seperti carta pai, bar dan garis.
Stickers	Pelekat animasi ringkas untuk menjadikan reka bentuk lebih hidup dan menarik.
Frames	Membentuk tempat khas untuk meletakkan gambar dalam bentuk tertentu.
Grids	Membahagikan ruang reka bentuk kepada susun atur yang seimbang dan kemas.
Mockups	Paparan pratonton reka bentuk dalam bentuk sebenar seperti baju, telefon, dll.
Collections	Set elemen berkaitan yang dihimpunkan mengikut tema atau gaya tertentu.

6. Reka Bentuk Poster Menggunakan Canva


1. Cari template poster

- Pada **Search Bar (Bar Carian)** di atas halaman, taip "Poster"
- Tekan Enter
- Canva akan memaparkan ratusan template poster sedia ada




2. Pilih dan buka template


- Pilih template yang sesuai mengikut tujuan anda (contoh: Pendidikan, Promosi, Kempen)



- Klik template yang dipilih.
- Tekan "Customize this template"



- Editor Canva akan dibuka secara automatik



3. Ubah suai template


i. Tukar Teks

- Klik pada mana-mana teks → Tukar kepada tajuk/isi anda
- Anda boleh ubah:
 - a. Jenis font
 - b. Saiz
 - c. Warna
 - d. Susunan teks (alignment)
 - e. Jarak antara huruf/baris

The screenshot shows a digital template editor interface with a toolbar at the top containing various icons for text, images, and layout. The main area displays a poster for a "NEW STUDENT ORIENTATION PROGRAM". The poster features a group photo of students at the top, followed by the title "NEW STUDENT ORIENTATION PROGRAM" in large white letters on a red background. Below the title is a sub-headline: "Starting a new chapter in your educational journey? Get ready for an exciting start with our comprehensive New Student Orientation Program!". There are three circular thumbnails below this: "Meet Your Peers", "Discover Campus", and "Get to Know Your Faculty/Program". At the bottom, there is a date "25 AUGUST 2025", a "SCAN HERE" button, contact information ("CONTACT US +123-456-7890"), and a "JOIN US" button. The footer of the editor includes a "+ Add page" button.

ii. Tukar Gambar / Grafik

- Klik pada gambar sedia ada → tekan “Delete” jika mahu buang
- Klik panel kiri: Photos atau Uploads untuk gambar baru
- Seret gambar ke tempat yang diingini



iii. Tukar Warna

- Klik mana-mana bahagian berwarna → pilih warna baharu
- Anda boleh pilih warna tema atau masukkan kod warna khusus
- Tambah Elemen (Jika Perlu)
- Klik “Elements” → Tambah ikon, bentuk, bingkai, grafik
- Gunakan keyword carian (Contoh: “education”, “arrow”, “check mark”)

7. Cipta Slideshow Video Kreatif Menggunakan Canva


Canva membolehkan pengguna mencipta video slideshow dengan mudah dan menarik menggunakan pelbagai templat, elemen visual dan audio. Slideshow ini sesuai untuk pembentangan, kenangan peribadi atau kandungan media sosial. Berikut merupakan langkah-langkah yang perlu diikuti untuk menghasilkan video slideshow secara berkesan.

Untuk mula mencipta video slideshow:


1. Klik butang "**Create**" di halaman utama




2. Pilih jenis reka bentuk seperti *Video* atau *Presentation* (16:9) bergantung kepada format video yang dikehendaki. Sebagai Contoh pilih video landscape



3. Pilih template yang sesuai, Canva menyediakan pelbagai templat video sedia ada. Anda juga boleh mulakan dari kanvas kosong.
4. Untuk mencari template anda boleh klik pada **butang "Design"** seterusnya klik pada **butang "Templates"**. Type slideshow pada bar carian.
5. Kemudian pilih templates kesukaan anda daripada senarai templates yang telah disediakan oleh Canva



6. Klik pada butang "**Apply all pages**" untuk menggunakan kesemua halaman yang disediakan dalam templat tersebut. Fungsi ini membolehkan keseluruhan reka bentuk asal dimasukkan secara automatik ke dalam projek anda (bergantung kepada jenis templat yang dipilih).



7. Canva akan memuatkan templat tersebut secara automatik ke dalam ruang kerja (working area) anda untuk disunting dan disesuaikan mengikut keperluan.



8. Penutup

Canva merupakan satu platform reka bentuk yang mesra pengguna dan berkuasa, membolehkan sesiapa sahaja menghasilkan bahan visual yang menarik tanpa memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Melalui modul ini, pengguna telah diperkenalkan kepada antara muka utama, pelbagai elemen reka bentuk serta langkah-langkah menghasilkan poster dan video slideshow. Dengan penguasaan asas ini, diharapkan pengguna dapat meneroka lebih banyak ciri dan menghasilkan reka bentuk yang kreatif serta berimpak tinggi. Reka bentuk yang baik bukan sahaja menyampaikan mesej dengan berkesan, malah mampu memberi kesan visual yang berkekalan kepada audiens. Teruskan bereksperimen dan berkarya dengan Canva.